

**SITUASI PEMBELAJARAN BAHASA ASING DI INSTITUT PENGAJIAN TINGGI :
PERBANDINGAN ANTARA BAHASA ARAB, BAHASA MANDARIN DAN BAHASA
PERANCIS**

**Azman Che Mat
Goh Ying Soon**

Universiti Teknologi MARA, Malaysia

Abstrak

Pengajaran dan pembelajaran bahasa asing dalam sistem pendidikan Malaysia mempunyai banyak tujuan. Antaranya ialah supaya pelajar mampu menggunakannya untuk berkomunikasi. Namun tujuan ini agak sukar dicapai sekiranya terdapat halangan psikologi dan kekangan sikap dalam pembelajaran bahasa asing dalam kalangan pelajar. Kajian-kajian tentang sikap terhadap pembelajaran bahasa asing telah dijalankan oleh pensyarah bahasa asing di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Terengganu. Kursus bahasa Arab, bahasa Mandarin dan bahasa Perancis yang ditawarkan kepada pelajar-pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPTA) ini dikategorikan sebagai bahasa asing. Makalah ini akan menganalisis secara perbandingan melalui pendekatan meta-analisis ke atas dapatan kajian-kajian tersebut serta memperlihatkan beberapa cabaran yang perlu ditangani agar dapat diamalkan oleh pengajar-pengajar bahasa asing dari peringkat sekolah sehinggalah ke peringkat IPT. Seterusnya beberapa saranan yang boleh diterapkan juga diberikan untuk menghadapi cabaran ini dalam usaha meningkatkan motivasi pembelajaran bahasa asing demi menyahut cabaran globalisasi yang multi-bahasa dan cabaran bahasa Inggeris yang 'mengancam' keperluan kepelbagaian bahasa.

Kata kunci: sikap, pembelajaran, bahasa Arab, bahasa Mandarin, bahasa Perancis

**CIRCUMSTANCES OF FOREIGN LANGUAGE LEARNING IN HIGHER LEARNING
INSTITUTIONS: A COMPARISON OF ARABIC, MANDARIN AND FRENCH**

Abstract

The teaching and learning of foreign languages aim to achieve numerous outcomes; among them is to enable students to communicate. Attitude and psychological factors form barriers in the success of foreign language communication skills among students. Previous studies of how attitude affects foreign language learning have been carried out by UiTM Terengganu as Arabic, Mandarin, and French are among foreign language courses offered in UiTM (Higher Learning Institutions) HLI. A meta-analysis of the findings is presented; highlighting several challenges and solutions which may be employed by foreign languages instructors at school and HLI. In an effort to motivate the teaching and learning of foreign languages, a few practicable suggestions are given in view of the challenge that English language as 'threatening' language diversity needs.

Key words: attitude, learning, Arabic language, Chinese language, French language

PENDAHULUAN

Dalam usaha memantapkan proses pengajaran bahasa, terlebih dahulu seorang pengajar bahasa harus mengenal pasti setiap isu dan permasalahan yang sering timbul sama ada yang berkaitan dengan bahasa yang diajar, situasi pembelajaran, isu yang berkaitan dengan pihak pelajar ataupun pihak pengajar sendiri (Ab. Rahim, 2004; Naimah, 2004). Seringkali dalam membicarakan cabaran-cabaran yang dihadapi dalam pengajaran bahasa asing di IPT, pengajar-pengajar tidak dapat melepaskan diri daripada menjalankan penyelidikan terhadap pengajaran bahasa agar proses pengajaran dan pembelajaran dapat dibaiki.

Apakah aspek penyelidikan bahasa yang harus dijalankan oleh para pengajar bahasa? Menurut Naimah Abdullah (2004), peluang-peluang penyelidikan dalam pengajaran bahasa adalah:

- a. Linguistik tulen: contohnya, fonologi, morfologi, sintaksis dan semantik
- b. Linguistik terapan
 1. Psikolinguistik
 - i. Kajian tentang sikap, personaliti dan motivasi pelajar terhadap bahasa yang diajar.
 - ii. Pengaruh perbezaan individu dalam pembelajaran dan penguasaan bahasa.
 - iii. Gaya pembelajaran (learning style) sesuatu kumpulan pelajar.
 - iv. Gaya pengajaran (teaching style) para pengajar bahasa
 - v. Proses pembelajaran dan pemerolehan bahasa pelajar.
 - vi. Kajian tentang kognitif pelajar.
 2. Sociolinguistik
 - i. Pengaruh latar belakang keluarga pelajar terhadap proses pembelajaran atau penguasaan bahasa
 - ii. Kajian tentang silang budaya (cross cultural) yang mempengaruhi pembelajaran bahasa
 - iii. Kepelbagaian perbandingan antara kelompok pelajar daripada pelbagai bidang.
 - iv. Kajian tentang ragam bahasa atau dialek yang digunakan oleh masyarakat.
 - v. Kajian tentang ragam dan gaya komunikasi sesebuah masyarakat.
 - vi. Kajian tentang retorik dan idiom dalam komunikasi antara bahasa berdasarkan pandangan dunia (world view) yang berbeza.
 - vii. Pengaruh bahasa dalam sesebuah masyarakat.

TUJUAN

Makalah ini akan membincangkan dapatan daripada tiga kajian yang telah dijalankan oleh Azman et al. (2005), Goh dan Ng (2004), dan Mohd Saupi et al. (2005) yang berfokuskan sikap pembelajaran pelajar terhadap bahasa Arab, bahasa Mandarin dan bahasa Perancis. Ketiga-tiga kajian ini mendapat geran pembiayaan penyelidikan daripada Universiti Teknologi MARA (UiTM) di bawah program Dana Kecemerlangan Akademik.

Perbincangan selanjutnya akan menyentuh persoalan yang berkisar di sekitar rumusan kajian yang dilakukan, iaitu pengajaran dan pembelajaran bahasa, cabaran dan saranan yang boleh dikongsi oleh pengajar bahasa asing.

ULASAN DAPATAN KAJIAN BERKAITAN

Makalah ini akan membincangkan dapatan kajian mengikut penyelidikan mengenai sikap terhadap bahasa sasaran berikut, iaitu bahasa Arab, bahasa Mandarin dan bahasa Perancis.

Dapatan Kajian Sikap Pembelajaran Bahasa Arab

Kajian Azman et al. (2005) menunjukkan bahawa minat mempelajari bahasa Arab wujud dalam kalangan pelajar yang mengambil bahasa Arab di UiTM Terengganu dan Kolej Sultan Zainal Abidin (KUSZA). Dapatan ini selari dengan kajian sebelumnya seperti Ab. Rahim (2004) dan kajian selepasnya seperti Ainol dan Isarji (2009). Namun begitu, pendorong utama mereka mempelajari bahasa Arab ialah kerana tiada pilihan lain. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa masalah utama yang menjadi kesukaran mempelajari bahasa Arab ialah nahu bahasa Arab. Manakala aspek-aspek lain bahasa Arab tidak menjadi masalah besar kepada kebanyakan pelajar. Bagi kebanyakan pelajar, mereka berpuas hati dengan tenaga pengajar yang disediakan baik di UiTM mahupun KUSZA.

Dapatan Kajian Sikap Pembelajaran Bahasa Mandarin

Kajian Goh dan Ng (2004) menunjukkan bahawa pelajar-pelajar Bumiputera mempunyai sikap yang agak positif dalam pembelajaran bahasa Mandarin. Pelajar-pelajar juga mempunyai tahap minat pembelajaran yang berbeza mengikut program pelajar. Sebagai contoh, pelajar Program Pentadbiran Pejabat mempunyai tahap minat pembelajaran yang lebih tinggi daripada pelajar Program Hotel. Pelajar-pelajar juga berpendapat bahawa pensyarah-pensyarah memberi pengaruh yang positif terhadap minat pembelajaran mereka. Pelajar-pelajar bersetuju bahawa pembelajaran bahasa Mandarin agak sukar bagi mereka.

Dapatan Kajian Sikap Pembelajaran Bahasa Perancis

Kajian Mohd Saupi et al. (2005) yang menggunakan ujian F (ANOVA) mendapati persepsi pelajar-pelajar tidak menunjukkan positif atau negatif yang ketara terhadap bahasa Perancis. Namun begitu, pelajar perempuan mempunyai sikap umum yang lebih kepada positif terhadap bahasa Perancis berbanding dengan pelajar lelaki. Pelajar-pelajar berpersepsi positif terhadap motivasi integratif, iaitu sosiobudaya Perancis. Perbezaan persepsi terhadap sosiobudaya Perancis mengikut aras kursus pengajian adalah tidak signifikan. Persepsi pelajar-pelajar juga positif terhadap motivasi instrumental iaitu dengan belajar bahasa Perancis, hal ini akan banyak memberi manfaat dalam kehidupan mereka kelak. Perbezaan persepsi terhadap kegunaan bahasa Perancis mengikut program pengajian adalah signifikan. Pelajar Diploma Pengurusan Hotel mempunyai min persepsi yang paling tinggi. Ini diikuti oleh Pelajar Diploma Seni Pemasakan. Manakala pelajar Diploma Perkhidmatan Pemasakan menduduki tempat ketiga dan pelajar Sarjana Muda Perakaunan pula menduduki tempat terakhir. Justeru, boleh dikatakan bahawa pelajar-pelajar mempunyai persepsi yang agak positif terhadap pembelajaran bahasa Perancis.

RUMUSAN KAJIAN

Ketiga-tiga kajian yang telah dijalankan ini bertujuan memperlihatkan sikap pelajar terhadap bahasa asing yang lebih kepada aspek sosiolinguistik, walaupun ruang lingkup kajian yang dijalankan tersebut tidak bersifat komprehensif. Namun begitu, ia masih menyingkap sikap pelajar-pelajar yang membawa kepada fokus perbincangan makalah ini, iaitu bagaimana pihak penyelidik dapat mengesan cabaran-cabaran pengajaran bahasa asing dengan mengambil kira sikap terhadap pembelajaran bahasa asing yang diringkaskan dalam Rajah 1 di bawah.

Kajian	Dapatan Utama	Cabaran
Bahasa Arab	Minat terhadap bahasa Arab perlu ditingkatkan lagi dalam kalangan pelajar.	Bagaimanakah cara untuk meningkatkan minat pelajar terhadap bahasa Arab?
	Masalah nahu bahasa Arab merupakan kesukaran yang perlu ditangani dengan bijak.	Apakah pendekatan terbaik untuk mengubah sikap pelajar agar mereka tidak lagi merasakan nahu sebagai satu halangan untuk menguasai bahasa Arab?
	Pelajar bahasa Arab berpuas hati dengan tenaga pengajar	Apakah tenaga pengajar yang disediakan memenuhi kriteria pengajar bahasa yang sebenar?
Bahasa Mandarin	Sikap yang positif dalam pembelajaran bahasa Mandarin.	Bagaimanakah untuk mengekalkan minat pembelajaran?
	Tahap minat pembelajaran yang berbeza mengikut program (pelajar-pelajar Program Hotel kurang berminat).	Bagaimanakah pensyarah mengaitkan pembelajaran bahasa dengan kegunaan masa hadapan untuk meningkatkan minat?
	Pensyarah-pensyarah boleh membentuk pengaruh yang positif terhadap proses pembelajaran.	Bagaimanakah mengatasi masalah kekurangan pensyarah sepenuh masa? Bagaimanakah mengatasi masalah pembelajaran yang dihadapi, contohnya masalah mendengar, menyebut intonasi dengan lebih tepat, dan sebagainya?
	Pembelajaran bahasa Mandarin adalah agak sukar.	

Bahasa Perancis	Pelajar perempuan mempunyai sikap umum yang lebih positif.	Bagaimana mengatasi perbezaan minat pembelajaran berdasarkan jantina?
	Berpersepsi positif terhadap motivasi integratif, iaitu sosiobudaya Perancis.	Bagaimana menambahkan unsur-unsur budaya yang berkait dengan motivasi integratif dalam kurikulum bahasa asing?
	Persepsi pelajar terhadap motivasi instrumental adalah positif.	Bagaimana menambahkan hubungan (<i>relevance</i>) pembelajaran dengan kegunaan secara instrumental?
	Pelajar mempunyai persepsi positif yang tidak ketara.	Bagaimana pensyarah dapat mengekalkan dan meningkatkan minat pembelajaran pelajar?

Rajah 1 Dapatan kajian pembelajaran bahasa asing dan cabaran

Pihak penyelidik mendapati terdapat cabaran-cabaran yang setara dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa asing yang dipelajari. Contohnya, bagaimana mengekalkan minat pembelajaran dan mewujudkan hubungan pembelajaran dengan kegunaan masa hadapan dan sebagainya. Oleh yang sedemikian, makalah ini akan mengaitkan dapatan kajian ini dengan ulasan literatur yang lepas untuk memberikan satu gambaran yang lebih menyeluruh.

PERBINCANGAN

Berdasarkan ulasan kajian yang diringkaskan di atas, perbincangan secara terfokus dilanjutkan dalam bahagian ini seperti berikut;

Bahasa Arab

Tujuan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia boleh dibahagikan kepada dua iaitu:

1. Matlamat agama (Kamarul Shukri et al. 2009; Zainur Rijal & Rosni, 2007).
2. Matlamat komunikasi (Ab. Halim, 2006; Hassan Basri & Mohammad Azhar, 2004).

Fokus makalah ini hanya terhadap pembelajaran bahasa Arab untuk mencapai matlamat keupayaan berkomunikasi. Terdapat dua sebab utama pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab memerlukan satu pendekatan berlainan dalam pelaksanaannya di dalam bilik darjah (Zawawi Ismail et al. 2004).

1. Kegagalan pendekatan tradisional mencapai matlamat dan objektif pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia.
2. Wujudnya beberapa teori dan ciri yang lebih menyakinkan untuk mencapai matlamat dan objektif pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab iaitu penggunaan pendekatan komunikasi.

Hal ini adalah perlu kerana wujud kebimbangan terhadap pencapaian bahasa Arab (Ab. Rahim, 2004). Antara faktor-faktor yang menyebabkan kemerosotan subjek pelajaran bahasa Arab adalah:

1. Kurang kemampuan untuk menguasai kerana anggapan pelajar bahawa ia bahasa asing dan penggunaannya dalam masyarakat tidak meluas (Zawawi, 2001).
2. Persekitaran bahasa yang diwujudkan tidak menyeluruh dan terhad kepada bilik-bilik tertentu sahaja (Nik Mohd Rahimi, 1998).
3. Kekurangan pengetahuan dalam kalangan guru-guru bahasa dalam memahami pendekatan pengajaran komunikasi dan kemahiran-kemahiran berkaitan (Jefferdin, 2002).
4. Tahap penguasaan perbendaharaan kata dalam kalangan pelajar belum mencapai tahap yang memuaskan.

Justeru itu, pihak Kementerian Pendidikan pada 2001 (Zawawi et al. 2004) telah bertindak dengan menggariskan prinsip-prinsip untuk mengatasi kelemahan yang ada iaitu:

1. Bahasa yang digunakan dalam (sukatan pelajaran) mesti bahasa fushah (Arabic standard) yang diterima oleh penutur jati.
2. Pengajaran haruslah berdasarkan pengajaran lisan.
3. Bahan-bahan pengajaran hendaklah dipilih, disusun, dikawal dan dipertingkatkan.
4. Penguasaan bahasa perlulah mengikut susunan, bermula dengan mendengar, bertutur, membaca dan menulis.

Bahasa Mandarin

Walaupun bahasa Mandarin merupakan bahasa pertuturan yang lazim dalam masyarakat Malaysia kerana bangsa Cina merupakan penduduk yang kedua besar di negara ini, namun begitu dalam pembelajaran bahasa Mandarin di IPT, keberkesanannya masih merupakan satu persoalan. Malah terdapat pula hasil dapatan kajian yang memaparkan kegagalan pencapaian matlamat pengajaran dan pembelajarannya (Ali, 1985). Sesungguhnya cabaran utama yang dihadapi berbentuk pengekaln minat pembelajaran setelah pelajar-pelajar habis kursus mereka, iaitu pelajar-pelajar belajar untuk menggunakan bahasa Mandarin dan bukan belajar untuk dilupai!

Dengan ini, usaha untuk mengaitkan pembelajaran bahasa dengan kegunaan masa hadapan dalam meningkatkan minat pembelajaran perlu diberikan perhatian yang sepenuhnya. Persoalannya ialah bagaimana kita dapat memastikan apa yang diajar itu dapat digunakan pada masa hadapan? Adakah kosa kata yang diajar, kemahiran bertutur, mendengar dan sebagainya cukup untuk digunakan pada masa hadapan? Adalah agak mustahil untuk memastikan bahawa segala kemahiran bahasa yang diperlukan disampaikan dalam kelas semata-mata. Oleh itu, hal ini masih merupakan cabaran yang utama untuk memastikan minat pembelajaran masih wujud walaupun pelajar telah habis pembelajaran!

Masalah kekurangan pemsyarah sepenuh masa di IPT masih merupakan satu cabaran pengajaran bahasa Mandarin. Kajian Goh dan Ng (2004) menunjukkan bahawa pemsyarah sepenuh masa membawa kesan yang lebih positif terhadap motivasi pembelajaran pelajar.

Justeru untuk meningkatkan motivasi pembelajaran bahasa Mandarin, usaha menempatkan pensyarah sepenuh masa amat diperlukan.

Cabaran pembelajaran yang praktikal ialah bagaimana pihak pengajar dapat mengatasi masalah pembelajaran yang dihadapi, contohnya masalah mendengar, menyebut intonasi dengan lebih tepat, dan sebagainya. Biasanya pelajar-pelajar kurang yakin menggunakan bahasa Mandarin yang dipelajari kerana nada dan bunyi yang mereka keluarkan itu hanya dapat difahami oleh pengajar-pengajar mereka. Oleh itu, usaha penggunaan WBI (Pembelajaran Berasaskan Jaringan), penggunaan perisian dan CD yang interaktif, bahan-bahan audio dan video interaktif di makmal bahasa, makmal bahasa yang berfungsi dan sebagainya untuk menyokong pembelajaran sampingan dan secara individu oleh pelajar perlu dijalankan.

Bahasa Perancis

Dapatan kajian Mohd Saupi et al. (2005) menunjukkan bahawa wujud perbezaan minat pembelajaran Bahasa Perancis berdasarkan jantina. Pelajar-pelajar perempuan mempunyai minat pembelajaran yang lebih tinggi daripada pelajar-pelajar lelaki. Oleh itu, dalam proses pengajaran, pengajar bahasa Perancis perlu memberikan perhatian yang khusus kepada pelajar-pelajar lelaki untuk memastikan bahawa mereka dapat mengikuti pengajaran kelas.

Memandangkan penutur-penutur bahasa Perancis jarang ditemui di Malaysia, maka untuk menarik minat pembelajaran bahasa Perancis adalah dengan menambahkan unsur-unsur budaya yang berkaitan dengan motivasi integratif dalam kurikulum bahasa asing. Sekiranya fokus pengajaran yang diberikan lebih kepada nahu bahasa Perancis, sudah tentu minat kebanyakan pelajar akan menurun.

Satu cabaran yang agak besar adalah bagaimana menambahkan hubungan (relevance) pembelajaran dengan kegunaan secara instrumental. Peluang-peluang penggunaan bahasa Perancis di luar bilik darjah perlu diwujudkan. Seterusnya usaha yang wajar diamalkan ialah kaedah mengekalkan minat pembelajaran, khususnya apabila pelajar-pelajar telah tamat kursus bahasa Perancis.

MASALAH PENGAJARAN & PEMBELAJARAN DAN SARANAN

Beberapa masalah yang bersangkutan dengan cabaran-cabaran dan usaha-usaha yang telah dibincangkan boleh dirangkumkan seperti berikut:

1. Masalah pengajar.
2. Masalah kaedah dan pendekatan.
3. Masalah kurikulum.
4. Peluang, motivasi dan persekitaran.

Makalah ini bukan bertujuan untuk membicarakan permasalahan tersebut secara terperinci. Fokus seterusnya menjurus kepada cadangan-cadangan yang harus dilaksanakan untuk mengatasi masalah-masalah yang ditemui berdasarkan ulasan kajian yang dipaparkan.

Berdasarkan beberapa ulasan literatur yang diteliti, terdapat beberapa saranan yang boleh membantu usaha untuk memperbaiki mutu pengajaran dan pembelajaran bahasa asing. Antara cadangan-cadangan tersebut ialah:

Inovasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran, Pendekatan dan Perkaedahan

Banyak sarjana bahasa telah mengakui bahawa pembelajaran komunikasi secara kaedah koperatif lebih berkesan daripada kaedah tradisional, contohnya Littlewood (1981). Richards dan Rodgers (1991) menyatakan bahawa pengajaran bahasa secara komunikatif adalah lebih bermakna kerana melibatkan pelajar kepada penggunaan bahasa yang bermakna dan autentik.

Maklumat kaedah pragmatik atau fungsi komunikatif dalam hasil pembelajaran bidang interpersonal (Ahmad Khair, 2004) ialah:

1. Berbual dalam kumpulan kecil.
2. Menuturkan kata-kata yang sesuai.
3. Melakukan aktiviti main peranan.
4. Melakonkan karektor.
5. Menjalankan aktiviti komunikasi lisan.
6. Melakukan simulasi dan main peranan dalam situasi yang ditetapkan.
7. Menjalankan simulasi dan main peranan majlis dialog.
8. Menjalankan simulasi perbincangan
9. Menggunakan pernyataan yang halus dan bersopan.
10. Melakukan aktiviti main peranan sebagai galakan menggunakan bahasa.
11. Melatih kemahiran memulakan, meneruskan dan menamatkan perbualan secara bertatasusila

Sesungguhnya peranan aktif pengajar bahasa amat diperlukan untuk memastikan pelajar bahasa mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti yang mendorong mereka belajar bahasa secara spontan. Pembelajaran bertumpukan pelajar tidak mungkin terlaksana sekiranya pengajar bahasa tidak mengambil inisiatif untuk mencetuskan motivasi agar pelajar bahasa berperanan dalam proses pemerolehan bahasa yang dipelajari mereka.

Penggunaan Teknologi

Sebagai contoh, Asni Tahir dan Siti Hasnah (2004) menyatakan perancangan mereka pada masa hadapan dalam penggunaan teknologi dalam pengajaran bahasa asing iaitu:

1. Penggunaan CD-ROM dalam mempersembahkan hasil pembangunan pakej sebagai alat bantu pengajar.
2. Memasukkan elemen video yang bersesuaian.
3. Membina dan mewujudkan persekitaran bahasa yang kondusif.

Kemudahan teknologi ini juga boleh diterokai sendiri oleh pelajar dengan panduan yang diberikan oleh pengajar bahasa. Para pelajar juga digalakkan menggunakan kemudahan peralatan pandang-dengar untuk melakukan tugas yang diberikan. Ertinya mereka mencipta suasana pembelajaran di luar kelas demi menyiapkan tugas yang diberikan. Kemudahan lain seperti blog, facebook, laman sembang juga boleh digunakan untuk mendorong mereka menggunakan bahasa asing yang dipelajari.

Sosiobudaya

Bahasa dan budaya adalah penyumbang utama kewujudan sebuah ketamadunan dan kemajuan yang tinggi (Md Alif Redzuan et al. 2004). Justeru itu, pembelajaran bahasa sasaran tidak harus dipisahkan daripada pembelajaran budaya bahasa sasaran tersebut. Namun begitu,

ia biasanya tidak wujud atau kurang dalam kurikulum kursus bahasa asing di mana tumpuan hanya kepada aspek-aspek fonologi, leksikal dan sebagainya.

Azman (2004; Ismail & Azman, 2008) sebagai contohnya, telah mengutarakan cadangan-cadangan agar memanfaatkan seni khat dalam pengajaran bahasa Arab. Begitu juga, pengajar bahasa Mandarin dapat menerapkan seni kaligrafi Cina dalam pembelajaran bahasa Mandarin sebagai satu contoh yang konkrit. Hal ini selari dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia agak berminat untuk memperkembang kedua-dua jenis seni kaligrafi (KPM, 2000) yang berunsurkan budaya. Oleh itu, secara tidak langsung ini akan membantu dalam memupuk minat pelajar dalam pengajaran bahasa asing.

Kemahiran Menggunakan Kamus

Kaedah penggunaan kamus bahasa sasaran dan cara memanfaatkannya perlu didedahkan kepada pelajar (Azhar et al. 2004). Ahmad Hj. Hasbullah et al. (2004) juga menjalankan kajian terhadap penggunaan kamus dalam pembelajaran bahasa asing yang khusus kepada pembelajaran bahasa Arab.

Pengajar bahasa asing perlu mempunyai maklumat yang sesuai berkaitan jenis-jenis kamus yang boleh digunakan oleh pelajar berdasarkan tahap sukatan pelajaran, kemudahan mengguna, bahasa yang dihidangkan. Menurut Muhammad Fauzi (2003) jenis-jenis kamus boleh dibahagikan kepada:

Berdasarkan khalayak pengguna:

1. Kamus Umum.
2. Kamus Khusus.
3. Kamus Deskriptif.
4. Kamus Sinonim.

Berdasarkan jumlah bahasa:

1. Kamus Eka Bahasa.
2. Kamus Dwibahasa.
3. Kamus Aneka Bahasa.

Oleh itu, setiap pelajar bahasa asing seharusnya memiliki sebuah kamus yang sesuai dengan tahap pembelajaran masing-masing. Penggunaan kamus juga boleh merangsang pelajar bahasa melakukan pembelajaran secara sendiri.

Mendengar dan Bertutur dalam Bahasa Sasaran secara Autentik

Mendapat peluang mendengar dan bertutur dalam bahasa asing bukan lagi perkara yang mustahil pada hari ini. Sebagai contoh, bahasa Mandarin boleh dipraktikkan oleh pelajar di luar persekitaran kampus. Ini kerana penutur bahasa Mandarin wujud di Malaysia dengan begitu meluas sekali. Manakala bagi bahasa Arab dan Perancis, kemungkinan para pelajar sukar untuk mendapat peluang sebegini. Oleh itu, pihak pengajar perlu membuka peluang dengan mengadakan lawatan ke pusat-pusat pengajian bahasa asing yang lain di seluruh Malaysia. Aktiviti lawatan ke pusat-pusat pengajian bahasa asing dengan perancangan program yang sesuai membuka peluang pelajar berjumpa dengan penutur asal bahasa sasaran dan mengambil peluang untuk mendengar dan bertutur.

Peluang Melanjutkan Pembelajaran semasa Bekerja

Peluang melanjutkan pembelajaran bahasa asing diperlukan apabila pelajar-pelajar telah tamat pengajian dan bekerja. Pada masa itu, mereka mungkin merasa keperluan menggunakan bahasa sasaran yang telah mereka pelajari. Bahkan mereka mungkin sedar bahawa bahasa asing yang dipelajari dahulu perlu dilanjutkan. Justeru itu, pusat Pengajian Bahasa dapat memainkan peranan dengan menawarkan kursus-kursus bahasa sasaran dalam aras yang lebih tinggi, atau kursus bahasa yang lebih kepada keperluan khusus mengikut kerjaya tertentu, sebagaimana yang ditawarkan oleh bahasa Inggeris, iaitu Bahasa Inggeris untuk Tujuan Spesifik (*English for Specific Purpose*).

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan ini, dapat disimpulkan betapa sikap pelajar terhadap pembelajaran bahasa asing dipengaruhi oleh banyak faktor, iaitu dalaman dan luaran. Faktor dalaman melibatkan motivasi, psikologi dan kepercayaan yang secara lansung atau tidak dibentuk oleh faktor luaran seperti struktur bahasa, pengajar, modul dan rekabentuk pengajaran. Sikap pelajar terhadap bahasa yang dipelajari harus difahami oleh pengajar bahasa agar proses pengajaran dan pembelajaran dapat mencapai objektifnya.

Sesungguhnya cabaran-cabaran pengajaran bahasa asing di IPT perlu dikenal pasti dan diberikan perhatian yang khusus untuk mengatasinya. Dengan mengadakan perbincangan yang berterusan sebenarnya dapat membantu para pengajar bahasa memperkembangkan profesionalism mereka. Hal ini juga dapat membantu mempertingkatkan kualiti pengajaran para pendidik bahasa. Selain itu, orientasi penyelidikan dalam kelas-kelas bahasa adalah mustahak untuk menanam satu perspektif pendidikan (Richards & Nunan, 1990). Dengan penglibatan pendidik bahasa dalam penyelidikan, sebenarnya dapat menghasilkan para pendidik bahasa yang reflektif.

Justeru itu, para pendidik bahasa tidak harus memandangi diri mereka sebagai “jiāoshū jiàng”, dalam bahasa Mandarin bermakna “tukang ajar”, tetapi pendidik bahasa. Para pendidik bahasa yang berperspektif penyelidikan akan sering berusaha untuk menerokai amalan dan kaedah pengajaran para pendidik dari IPT tempatan dan di luar Malaysia. Seterusnya amalan ini akan menyumbang kepada teori pengajaran dan pembelajaran bahasa melalui pengalaman setiap pendidik bahasa (Zeichner, 1993).

RUJUKAN

- Ab. Halim Ismail. 2005. pengajaran bahasa arab melalui kaedah komunikatif. Dlm. Hassan Basri Awang Mat Dahan, Zawawi Ismail & Muhammad Azhar Zailani. (pnyt.). Pendidikan Islam dan bahasa Arab: Perspektif Pengajian Tinggi, hlm. 137-162. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ab. Rahim Ismail. 2004. Al-lughah al-carabiyyah: Dawruha wa makanatuha fi al- hadir wa al-mustaqbal. Dlm. Ezad Azrai Jamsari, Farid Mat Zain, Hakim Zainal & Salmah Ahmad. (pnyt.), al-Hadharah, hlm. 135-144. UKM: Jabatan Bahasa Arab dan Tamadun Islam.
- Ahmad, Hj. Hasbullah, Abd. Rauf Hassan & Cik Radziah Mezah 2004. Kamus dan penggunaannya dalam proses pembelajaran bahasa: Satu tinjauan terhadap pelajar menengah tinggi agama/ Arab dalam penggunaan kamus Arab. Prosiding Program Seminar Kebangsaan Pengajaran Bahasa. Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu,

8-9 Oktober, 2004.

- Ahmad Khair bin Mohd Nor. 2004. Pendekatan komunikatif dalam pengajaran bahasa Melayu. Prosiding Program Seminar Kebangsaan Pengajaran Bahasa. Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, 8-9 Oktober, 2004.
- Ainol Madziah Zubairi & Isarji Hj Sarudin. 2009. Motivation to learn a foreign Language in Malaysia, GEMA Online Journal of Language Studies 9(2):73-87.
- Ali Saad, Haji. 1985. Kajian Mengenai Pengajian dan Pembelajaran Bahasa - Mandarin di ITM. Shah Alam: Pusat Bahasa ITM.
- Asni Tahir & Siti Hasnah Tanalol. 2004. Belajar Bahasa Kadazan Dusun: Pendekatan pembelajaran hypermedia. Prosiding Program Seminar Kebangsaan Pengajaran Bahasa. Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, 8-9 Oktober, 2004.
- Azhar bin Muhamad, Ab. Hafiz Abdullah & Sulaiman Shakib Mohd Noor. 2004. Masalah pembelajaran penterjemahan teks bahasa Arab kepada Bahasa Melayu di kalangan pelajar Melayu. Prosiding Program Seminar Kebangsaan Pengajaran Bahasa. Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, 8-9 Oktober, 2004.
- Azman Che Mat, Md Radhi Hashim & Ahmad Faiz Yaakub. 2005. Kecenderungan pelajar memilih bahasa Arab sebagai bahasa asing di UiTM dan KUSZA: Satu perbandingan. Projek kajian dengan geran IRDC (Institute of Research, Development and Commercialization), Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Malaysia.
- Azman Che Mat. 2004. Pendekatan seni khat dalam pengajaran bahasa Arab di IPT: Satu cadangan. Prosiding Program Seminar Kebangsaan Pengajaran Bahasa. Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, 8-9 Oktober, 2004.
- Goh, Ying Soon & Ng, Ahsuan. 2004. The Bumiputra students' attitude in learning Mandarin at UiTM Campus Terengganu, Malaysia. Kertas kerja untuk CSSR (Conference on Science and Social Science Research), 19-21 May, 2004, di Kuching, Sarawak, Malaysia dan pembentangan poster di The International Colloquium on Language, Attitudes and Education in Multilingual Cities, May 27 hingga May 28, 2004, Brussels, Belgium.
- Hassan Basri Awang Mat Dahan & Muhammad Azhar Zailaini. 2004. Kurikulum baru bahasa Arab komunikasi dan bahasa Arab tinggi sekolah menengah. Masalah Pendidikan 27: 65-74.
- Ismail Muhamad & Azman Che Mat. 2008. Pendekatan seni khat dalam pengajaran bahasa Arab di IPT: Satu cadangan. Dim. Mohd Nordin Mohd Abdullah, Alias Ghani & Mohammad Mahdi Abas, (pnyt). Titian, hlm. 81-87. Universiti Malaysia Terengganu: Penerbit UMT.
- Jefridin, Pilus. 2002. Penggunaan pendekatan komunikatif dalam pengajaran bahasa arab komunikasi: Satu kajian di SMAP Labu. Kertas Projek Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamarul Shukri Mat Teh, Mohamed Amin Embi, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff & Zamri Mahamod. 2009. Strategi metafizik: Kesenambungan penerokaan domain strategi utama pembelajaran bahasa, GEMA Online Journal of Language Studies 9 (2): 1-13.

- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2000. Pusat Perkembangan Kurikulum. http://sd15.edu.my/files/sp_pseni_kbsr.pdf [1 April 2010]
- Littlewood, W. 1981. *Communicative Language Teaching: An introduction*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Md Alif Redzuan Abdullah, Mohd Sukki Othman, Zawawi Ismail & Sanimah Hussin. 2004. Memahami budaya dalam pembelajaran bahasa: Satu kajian ringkas terhadap bahasa Arab dan bahasa Jepun. Prosiding Program Seminar Kebangsaan Pengajaran Bahasa. Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, 8-9 Oktober, 2004.
- Mohd. Saupi, Hj. Md. Said; Goh, Ying Soon & Mohd Ishak Haji Badarudin. 2005. Didaktik bahasa Perancis sebagai bahasa asing: Kajian persepsi dan sikap di kalangan pelajar Melayu di UiTM Terengganu. Projek kajian dengan geran IRDC (Institute of Research, Development and Commercialization), Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Malaysia.
- Muhammad Fauzi Jumingan. 2003. Penggunaan kamus dalam pembelajaran bidang penterjemahan Arab-Melayu. Terj. Abdullah Hassan. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Naimah Abdullah. 2004. Peranan Penyelidikan dalam usaha menyelesaikan isu-isu dan permasalahan pengajaran dan pembelajaran bahasa. Prosiding Program Seminar Kebangsaan Pengajaran Bahasa. Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, 8-9 Oktober, 2004.
- Nik Mohd Rahimi. 1998. Bahasa Arab untuk kemahiran komunikasi: Satu kajian tentang perlaksanaannya dan cabaran pengajaran dan pembelajaran di abad Ke-21. Prosiding Seminar Isu-isu Pendidikan Negara. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Richards, J., & Nunan, D. 1990. *Second Language Teacher Education*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Richards, J. C. & Rodges, T. S. 1991. *Approaches and Method in Language Teaching*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Zainur Rijal Abdul Razak & Rosni Samah. (2007). Kesan Bahasa Arab dalam Peradaban Melayu di Malaysia. Negeri Sembilan: Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Zawawi, Ismail. 2001. Hubungan antara persekitaran bahasa Arab dengan kemahiran bertutur dalam bahasa Arab di kalangan pelajar universiti di Malaysia. Kertas Projek Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zawawi, Ismail, Mohd Sukki Othman & Abd. Raof Hasan Azhari. 2004. Masalah pengajaran dan pembelajaran (P & P) bahasa Arab di Malaysia. Prosiding Program Seminar Kebangsaan Pengajaran Bahasa. Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, 8-9 Oktober, 2004.
- Zeichner, K. 1993. Action research: personal renewal and social reconstruction. *Educational Action Research* 1: 199-219.

Corresponding Author : azman531@tganu.uitm.edu.my